

## **Menyesal Tak Sudah**

Siti Aishah binti Mohd Safian

Amir terus masuk ke bilik setelah pulang ke rumah. Selepas sesi persekolahan, dia tidak terus pulang ke rumah. Sebaliknya pergi melepak bersama rakan-rakan di sebuah pusat membeli-belah. Remaja berusia 16 tahun itu merupakan anak tunggal kepada Mak Temah dan Pak Din.

”Kamu dah solat Asar ke belum?” tanya Mak Temah.

Pertanyaan itu tidak dibalas.

Mak Temah mengulang semula pertanyaan tersebut dan kali ini dia meninggikan sedikit suaranya.

”Buat apa nak sembahyang. Buang masa je!” balas Amir dengan kasar.

Mak Temah beristighafar panjang. Beberapa minit kemudian, Pak Din pulang dari menoreh getah. Pak Din merupakan satu-satunya punca rezeki kepada keluarga tersebut. Mak Temah terus menceritakan tentang peristiwa tadi kepada Pak Din. Orang tua itu sangat terkejut dan hanya bersabar kerana Amir merupakan anak tunggal mereka.

Keesokan harinya, Amir pergi ke sekolah seperti biasa. Setelah pukul sepuluh malam, Amir masih belum pulang ke rumah. Mak Temah dan Pak Din berasa risau memandangkan Amir tidak pernah pulang selewat ini.

Setengah jam kemudian, Amir pulang dalam keadaan yang tidak kemas.

“Kenapa kamu pulang lewat?” tanya Pak Din.

“Korang tak payah sibuklah uruskan aku.”

Tengking Amir.

“Amir! Kamu tak ada adab ke?” jerit Mak Temah.

Amir hanya memekakkan telinganya dan terus masuk ke dalam bilik. Pak Din dan Mak Temah terkedu. Anak yang telas dibela selama 16 tahun itu tidak menjadi seperti yang diharapkan.

Pada suatu hari, Mak Temah yang sudah tidak tahan dengan karenah Amir bertindak menyelongkar biliknya. Sepandai-pandai tupai melompat akhirnya hatuh ke tanah jua. Rupa-rupanya Amir telah ketagihan rokok dan dadah. Mak Temah berpendapat bahawa Amir selalu pulang lewat kerana ingin melepaskan giannya terlebih dahulu. Apabila Amir pulang, Mak Temah menunggu dia di dalam biliknya. Ibunya bertanya tentang rokok dan dadah yang ditemuinya. Amir hanya mendiamkan diri. Mak Temah kemudiannya memegang Amir dan bertanya mengapa dia melakukan perkara terkutuk itu. Amir semakin geram dan bertindak menolak ibunya sehingga tersungkur ke lantai. Tanpa rasa bersalah, Amir mengemas barangnya dan keluar daripada rumah tersebut. Air mata Mak Temah mencurah-curah dan sedih kerana tidak mendidik anaknya sebaik mungkin.

Setelah keluar daripada rumah, Amir pergi ke rumah kawannya dan melepak di sana. Tiga orang

rakannya yang lain sudah berada di sana. Kemudian, salah seorang rakannya mencadangkan sesuatu untuk mengatasi masalah kehabisan wang. Dia mencadangkan untuk memecah masuk rumah seorang ahli perniagaan. Amir dan rakan-rakannya yang lain bersetuju. Pada malamnya, mereka sudah bersedia untuk memecah masuk rumah tersebut. Ketika mereka sedang memecahkan pintu rumah tersebut, tiba-tiba mereka terdengar satu jeritan.

“Pencuri! Pencuri!!”

Mereka kemudian terdengar bunyi siren polis dan berlari secepat mungkin bagai lipas kudung. Malangnya, Amir telah ditangkap oleh polis manakala rakan-rakannya dapat melepaskan diri. Disebabkan Amir masih dibawah umur, dia telah dimasukkan ke pusat pemulihan akhlak.

Dua tahun kemudian, Amir pulang ke kampung setelah dibebaskan daripada pusat pemulihan. Ketika tiba di rumah, dia melihat orang ramai berkumpul di rumahnya. Dia berasa pelik dan risau. Tiba-tiba dia terdengar bacaan surah Yasin dari dalam rumahnya. Dia terus berlari masuk dan terlihat sekujur tubuh ibunya. Amir terus memeluk jenazah ibunya dan menangis sepenuh hati. Dia menyesal terhadap segala perbuatan yang telah dilakukannya.